

Konsep al-Birr Mengikut al-Qur'an

CHE YUSOFF BIN CHE MAMAT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لِيْسَ الْبَرُّ أَنْ تُولِّوْ وَجْهَكُمْ قَبْلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبَرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
وَالْمَلَائِكَةَ وَالْكِتَابَ وَالنَّبِيِّنَ وَآتَى الْمَالَ عَلَىٰ حِبَّهِ ذُوِيِّ الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ
السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَالْمَوْفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا
وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ^۱.

Bukanlah kebaikan itu, bahawa kamu hadapkan mukamu arah ke Timur dan ke Barat, tetapi kebaikan itu ialah orang yang beriman kepada Allah, Hari Akhirat, Malaikat-malaikat, Kitab-kitab dan Nabi-nabi, dan dia memberikan harta yang disayanginya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang-orang yang putus perbelanjaan dalam perjalanan, orang-orang yang meminta dan untuk memerdekaan hamba, serta ia mendirikan sembahyang, memberi zakat, menepati janji apabila berjanji dan berhati sabar di atas kemiskinan, kemelaratuan dan ketika peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa.

Inilah ayat yang dinamakan ayat al-Birr. Ia merupakan ayat yang mengandungi hukum yang luas yang mencakupi soal-soal yang berhubung dengan hukum-hukum Islam dan hukum-hukum yang mengenai Imam. Boleh dikatakan juga bahawa di dalamnya mengandungi apa yang terdapat di dalam ajaran Islam itu sendiri, di mana di dalamnya terkandung soal-soal yang berhubung dengan keimanan, ketaqwaan, kesabaran, kebenaran, kesetiaan dan segala perkara yang berhubung dengan perkara-perkara wajib juga perkara-perkara saleh, serta sifat-sifat kebaikan dan kebaikan budi pekerti. Secara ringkas bolehlah dikatakan bahawa ayat ini meliputi segala perkara yang berkaitan dengan perbuatan seseorang hamba Allah yang tunduk kepada perintah-Nya dan ayat yang menunjukkan jalan kepada manusia untuk mencapai kebaikan yang hakiki.

Ia dinamakan ayat al-Birr kerana kandungannya yang termasuk keimanan, ilmu pengetahuan, petunjuk dan cahaya yang menyinari jalan untuk menuju kepada kesempurnaan Islam dan jalan untuk mencapai kebahagiaan yang sejati serta untuk mendapat keredaan Allah yang sentiasa melimpah ruah di muka bumi ini untuk hamba-hamba-Nya walau di mana mereka berada.

PENGERTIAN AL-BIRR

Dari segi bahasa, al-Birr (Kebaikan) ialah hubungan dan kebaikan, perluasan di dalam Ihsan, benar dan taat. Dari segi istilah bererti segala ketaatan dan pekerjaan baik yang bertujuan untuk menghampirkan diri kepada Allah atau semua kerelaan sifat kebaikan dan setiap perbuatan yang diredai.² Dari pengertian itu dapatlah kita simpulkan bahawa al-Birr (kebaikan) itu adalah segala perbuatan baik yang tidak bercanggah dengan perintah Allah atau yang diredai Allah. Ini bererti segala perbuatan yang baik yang dilakukan oleh manusia itu selagi ia tidak ditegah atau tidak bertentangan dengan perintah Allah maka pekerjaan itu dikira kebaikan (birr). Al-Birr juga merupakan kerja hati yang ikhlas yang bertujuan untuk mencapai rahmat Allah dan bermatlamatkan tunduk mengabdikan diri kepada Yang Mahakuasa demi untuk kebaikan manusia itu sendiri. Ianya dimaksudkan taat kepada Allah dan menjunjung segala titah perintah-Nya dan mengikut segala apa yang disyariatkan. Adalah tidak dikira kebaikan dan taat semata-mata menghadap ke Timur dan ke Barat tanpa perintah dan arahan dari Allah s.w.t.³

KONSEP AL-BIRR MENGIKUT AYAT 177 SURAH AL-BAQARAH

Dari ayat yang tersebut jelas kepada kita bahawa kebaikan itu bukanlah dengan menghadapkan muka kesuatu arah, tetapi kebaikan yang sebenar menurut ayat tersebut adalah;

1. Beriman dengan Allah, hari akhirat, malaikat-malaikat, kitab-kitab dan nabi-nabi, keseluruhan mereka tanpa kecuali.
2. Mengeluarkan harta yang disayangi kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang-orang musafir yang putus perbelanjaan dalam perjalanan, peminta-peminta dan hamba-hamba yang hendak memerdekaan diri;
3. Mendirikan sembahyang yang difardukan dalam waktunya dengan sempurna pada ruku', sujud, tamakniah dan khusuknya mengikut kehendak syarak.
4. Mengeluarkan zakat;
5. Menepati janji terhadap Allah dan manusia;
6. Sabar dalam kesusahan dan ketika perang.

Orang yang bersifat dengan perkara-perkara di atas adalah orang yang benar dalam keimanan mereka, kerana mereka melaksanakan iman hati dengan perkataan dan perbuatan. Orang-orang ini dikatakan orang-orang yang benar dan orang yang bertaqwa yang akan mencapai kemenangan dari Allah.⁴

BERIMAN KEPADA ALLAH, DAN RUKUN-RUKUN IMAN YANG LAIN

Iman merupakan pokok segala kebaikan. Dengan beriman segala amalan baik yang kita lakukan itu akan dipandang baik. Tetapi sebaliknya, kalau kita tidak beriman, segala perbuatan yang kita lakukan tidak dianggap baik dan tidak membahagiakan seseorang hamba Allah, kerana matlamat kebahagiaan ialah untuk mencapai keselamatan dan kebahagiaan di dua tempat, iaitu di dunia dan di akhirat. Kebahagiaan yang dicapai di dunia adalah bersifat sementara dan bukan kebahagiaan yang hakiki. Oleh itu segala perbuatan yang baik adalah perbuatan yang sentiasa di dalam rahmat Allah. Adapun perbuatan orang yang tidak beriman itu bukanlah perbuatan yang diredayai Allah dan dia tidak diberi pahala di atas pekerjaan yang dilakukan.

Dalam Tafsir al-Manar mengatakan, bahawa iman dengan Allah dan kepada hari akhirat itu asas atau sumber segala kebaikan.⁵ Keimanan yang sebenar adalah jalan menuju kepada kebaikan dan kebahagiaan yang sebenar. Dengan beriman bukan sahaja bererti segala perbuatan manusia itu mendapat ganjaran dari Allah, bahkan iman juga mententeramkan jiwa dan menenangkan hati seseorang itu. Ketenteraman dan ketenangan hati merupakan satu kebaikan dan kebahagiaan kepada manusia itu sendiri. Firman Allah:

الذين آمنوا وطمئن قلوبهم بذكرا الله لا يطمئن القلوب.⁶

Mereka-mereka yang beriman dan tenang hati mereka dengan mengingati Allah, tidakkah dengan mengingati Allah menenangkan hati.

Dengan ini jelaslah bahawa beriman kepada Allah, kepada hari Akhirat, malaikat, kitab-kitab dan nabi-nabi itu merupakan salah satu jalan dan pokok segala kebaikan. Dengan kata lain keimanan adalah kunci segala amalan baik kepada semua manusia.

MENGELUARKAN HARTA YANG DISAYANGI KEPADA
ORANG YANG MEMERLUKAN BANTUAN

Harta adalah kurniaan Allah kepada hamba-Nya untuk kesenangan hidup di dunia ini. Harta juga merupakan sebagai bahan ujian kepada manusia, untuk menguji sejauh mana manusia itu bersyukur kepada Allah terhadap nikmat-nikmat yang Allah curahkan ke atasnya.

Dalam hubungan ini Syed Qutub menjelaskan, “Bahawa nilai membelanjakan harta yang disayangi kepada orang yang memerlukannya ialah membebaskan diri dari belenggu tamak, bakhil dan mementingkan diri sendiri... membebaskan roh dari terlalu cintakan harta sehingga jadi kedekut. Itulah nilai rohaniah dari ayat tersebut.”

but.”⁷ Dengan harta manusia dapat menunaikan kewajipan mereka kepada Allah. Harta bukan sahaja untuk dinikmati oleh seseorang individu untuk dirinya sahaja, bahkan dengan harta yang dikurnianya itu Allah menyuruh manusia berbuat baik. Jadi harta adalah sebagai alat bagi manusia untuk mendapat kebaikan. Tetapi dengan harta juga kadang-kadang boleh menjerumuskan manusia ke lembah kejahanatan. Walau macam manapun sekiranya manusia itu pandai menggunakan harta dan mengikut perintah Allah tentang bagaimana hendak menguruskan harta itu, maka harta tersebut menjadi bahan bagi mereka untuk mencapai kebaikan.

Kebaikan (al-Birr) yang boleh didapati dari harta ialah dengan mendermakan atau bersedekah harta yang masih diperlukan, dengan hati yang ikhlas tanpa mengharapkan balasan.⁸ Itu adalah satu kebaikan yang besar pahalanya. Dalam ayat ini harta yang hendak dikeluarkan itu ialah harta yang disayangi atau harta yang dikasihi dan masih diperlukan oleh tuannya, bukan harta yang sudah menjadi sisa atau tidak berguna. Dengan sebab itu harta yang tidak berguna atau yang tidak disayangi itu tidaklah merupakan kebajikan walaupun ia dibelanjakan ke jalan yang baik, kerana tidak ada faedah yang diperolehi dari harta itu. Dengan sebab itulah Allah berfirman:

لَنْ تَنَوَّلُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تَنْفَقُوا مَا تَحْبُّونَ، وَمَا تَنْفَقُوا مِنْ شَيْءٍ فَانَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ.⁹

Kamu tidak akan mendapat kebaikan kecuali kalau kamu nafkahkan sebahagian barang yang kamu kasih, barang sesuatu yang kamu nafkahkan sesungguhnya Allah maha mengetahui.

Ini bererti, harta itu tidak akan menjadi kebaikan atau tidak akan menjadi hakikat kebaikan andainya ia mensedekahkan yang tidak berguna kecuali harta itu masih boleh diguna dan dipakai.¹⁰

Keutamaan dalam mendermakan harta hendaklah diberi kepada kaum kerabat terlebih dahulu. Oleh itu jelas kepada kita bahawa Islam menitikberatkan kesejahteraan keluarga di mana Islam tidak mahu keluarga si penderma itu sendiri merana kesusahan, sedangkan harta saudaranya disedekahkan kepada orang lain. Terlalu banyak perintah Allah dalam al-Quran supaya berbuat ihsan kepada kaum kerabat. Dalam suatu hadis disebutkan:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمَسَاكِينِ صَدَقَةٌ وَعَلَى ذُو الرَّحْمَةِ ثَنَانٌ صَدَقَةٌ وَصَلَةٌ¹¹

Bersedekah kepada orang-orang miskin dapat satu pahala (pahala sedekah) dan kepada kaum kerabat dapat dua (pahala) sedekah dan hubungan silaturrahim.

Dengan sebab itu dalam kontek ini kebaikan itu ialah mendermakan harta kepada keluarganya sendiri yang susah menderita. Dari sini juga kita dapati Islam menyuruh umatnya menderma secara ikhlas. Menderma kepada orang lain sedangkan kaum kerabatnya sendiri susah menderita, menunjukkan pendermaan itu tidak ikhlas

dan berkemungkinan ada udang di sebalik batu. Maka pendermaan yang seumpama itu tidak dianggap al-Birr.

Selain dari kaum kerabat yang wajib ditolong maka Islam menggalakkan umatnya bersedekah harta yang didapati itu kepada orang-orang yang wajib diberi pertolongan. Mereka yang wajib diberi pertolongan itu ialah seperti firman Allah:

انما الصدقات للفقراء والمساكين والعاملين عليها والمؤلفة قلوبهم وفي الرقاب والغارمين
وف سبيل الله وابن السبيل، فريضة من الله، والله عالم حكيم.¹²

Sesungguhnya sedekah (zakat) itu untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat, orang-orang mu'allaf hatinya, untuk memerdekakan hamba, orang-orang yang berhutang, pada jalan Allah, dan untuk orang-orang musafir, sebagai suatu kewajipan dari Allah, Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana.

Demikianlah dengan jelas Allah menerangkan tentang orang-orang yang berhak menerima sedekah atau zakat di dalam al-Quran. Menderma kepada orang-orang yang tersebut di atas juga merupakan kebaikan yang sebenarnya yang disuruh oleh Allah.

Kebaikan yang didapati daripada mendermakan harta kepada orang yang berhak menerimanya itu diceritakan oleh Allah di dalam al-Quran sebagaimana firman-Nya:

مثل الذين ينفقون أموالهم في سبيل الله كمثل حبة انبت سبع سنابل في كل سنبلة مائة حبة، والله يضاعف لمن يشاء، والله واسع عليم.¹³

Bandingan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah, seperti buah biji yang tumbuh menjadi tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai ada se-ratus biji, dan Allah melipat gandakan bagi sesiapa yang dikehendakinya, dan Allah luas (kurnianya) lagi maha mengetahui.

Dari apa yang diperkatakan di atas mengenai harta itu dapatlah dibuat kesimpulan bahawa:

1. Harta yang dikurniakan Allah itu adalah sebagai alat bagi seseorang itu membuat kebaikan;
2. Kebaikan boleh dicapai dengan membelanjakan harta dengan ikhlas kepada orang yang sepatutnya diberi pertolongan.
3. Dengan harta yang didermakan akan mendapat kebaikan yang berupa pahala yang banyak dari Allah.

MENDIRIKAN SEMBAHYANG

Mohd. Rashid Rida dalam *Tafsir al-Manar* mengatakan “Mendirikan sembahyang dengan sempurna dan berkekalan merupakan tiang rohani yang kuat untuk kebaikan”.¹⁴ Dari kenyataan tersebut jelas

menunjukkan bahawa sembahyang itu bukan sekadar satu kewajipan yang mesti ditunaikan, bahkan dengan sembahyang manusia boleh mencapai kebaikan diri. Kerana sembahyang dapat mencegah diri seseorang daripada melakukan perkara-perkara keji dan mungkar yang ditegah oleh Allah dan dibenci oleh manusia. Firman Allah:

ان الصلاة تهی عن الفحش والمنكر

Sesungguhnya sembahyang itu menegah daripada perkara-perkara keji dan mungkar

Dengan sembahyang terutamanya sembahyang lima waktu seorang Muslim mengingati Tuhan secara berterusan siang dan malam. Dengannya Muslim sentiasa menghadirkan diri dan hatinya kepada Tuhan, menghidup dan memperbaharui ingatannya terhadap Allah dalam diri dan hatinya. Maka dia akan sentiasa takut dan berharap kepada-Nya, sentiasa mentaati-Nya dalam setiap perkara yang disuruh dan dilarang.¹⁵ Kebajikan dan ketaqwaan itu berada dalam sembahyang. Dari sembahyang akan lahir perasaan takut daripada melakukan kerja-kerja mungkar dan keji, serta ia akan mengubati yang sakit jiwa dan mengubat perangai yang kurang baik. Firman Allah:

ان الانسان خلق حلوعا، اذا مسه الشر جزوعا و اذا مسه الحير منوعا الا المصلين.¹⁶

Sesungguhnya manusia dijadikan bersifat keluh-kesah, apabila ia ditimpa keburukan, ia akan-keluh-kesah, dan apabila ditimpa kebaikan (harta) ia enggan bersedekah, kecuali orang-orang yang sembahyang

Umumnya sifat manusia itu ialah keluh-kesah bila ditimpa bahaaya atau malapetaka, dan berlaku bakhil dan kikir bila mendapat kekayaan. Kecuali orang-orang yang sembahyang yang tetap mengerjakannya, serta memelihara syarat-syarat dan rukun-rukunya. Mereka tidak bersifat demikian. Bila mereka ditimpa kecelakaan mereka terima dengan hati sabar dan dada yang lapang dan bila mendapat kejayaan mereka bersifat pemurah, suka menolong fakir miskin dan orang-orang yang melarat dalam kehidupannya. Di sini nampak bagaimana besarnya hikmat sembahyang yang sebenar-benar sembahyang. Bukan sembahyang dengan semata-mata tegak, rukuk dan sujud sahaja, sedang hati melayang ke sana ke mari tidak menghadapi Allah. Itulah sebahagian kebaikan yang didapati dari sembahyang.

MENGELUARKAN ZAKAT

Dalam al-Quran, mengeluarkan zakat selalu disebut selepas mendirikan sembahyang. Kalau sembahyang merupakan pendidikan roh, maka mengeluarkan zakat merupakan rakan kepada roh. Membelanjakan harta pada jalan kebenaran merupakan rukun yang

besar dari rukun-rukun kebaikan (al-Birr) dan merupakan tanda yang nyata keimanannya kepada Allah.¹⁷ Maka sebab itulah Khalifah Abu Bakar mengambil keputusan memerangi orang yang enggan mengeluarkan zakat. Syed Qutub menjelaskan:

Sesungguhnya (mengeluarkan zakat) adalah merupakan kesetiaan kepada cukai kemasyarakatan Islam yang Allah jadikan hak fakir miskin dalam harta orang-orang kaya. Adapun perbezaan antara sedekah biasa dengan zakat...zakat bukan boleh diganti dengan sedekah biasa. Begitulah sebaliknya zakat satu kemestian. Sedekah pilihan sukarela. Maka al-Birr itu tidak akan sempurna kecuali dengan kedua-duanya sekali¹⁸

Selain zakat itu merupakan satu kebaikan diri seseorang ia juga merupakan satu amalan baik atau sebagai satu kebaikan yang dilakukan untuk kebaikan orang lain. Dari itu dapatlah dikatakan bahawa zakat itu boleh membawa dua kebaikan.

1. Kebaikan dirinya sebagai hamba Allah, iaitu sebagai tanda yang ia seorang yang tunduk kepada Allah, maka ia diberi kebaikan oleh Allah.
2. Kebaikan kepada orang lain di mana dengan kebaikan yang dilakukan itu maka orang lain yang menerimanya juga mendapat faedah atau mendapat kebaikan.

Dari apa yang diperkatakan di atas merupakan kebaikan yang akan diberi kemenangan oleh Allah. Keimanan, sembahyang, dan mengeluarkan harta untuk jalan Allah itu semuanya merupakan pokok segala amalan kebaikan yang dijanjikan oleh Allah akan mendapat balasan yang baik. Balasan yang baik dari Allah itulah sebenar-benar kebaikan. Firman Allah:

قد أفلح المؤمنون الذين هم في صلاتهم خاشعون، والذين هم عن اللغو معرضون،
والذين هم الزكاة فاعلون.¹⁹

Sesungguhnya telah menang orang-orang yang beriman (iaitu) mereka yang khusuk dalam sembahyangnya dan mereka yang berpaling dari perkataan yang tidak berguna dan mereka yang mengeluarkan zakat.

MENEPATI JANJI

Al-Alusi berkata, “yang dimaksudkan dengan janji itu ialah janji yang tidak melibatkan menghalalkan yang haram atau sebaliknya yang berlangsung di antara manusia”.²⁰ Menepati janji adalah satu sifat daripada sifat-sifat kebaikan, satu sifat kemuliaan yang diredayai Allah subhanahu wa taala. Maka dengan sebab itu Allah berfirman:

ان الله اشتري من المؤمنين انفسهم وامواهم بـأن هم الجنة يقاتلون في سبيل الله فيقتلون ويقاتلون وعدا عليه حقا في التوراة والا نجيل والقرآن. ومن اوف بعهده من الله فاستبشروا بـييعكم الذي بايتم به، وذلك هو الفوز العظيم.²¹

Sesungguhnya Allah membeli diri dan harta orang-orang mukmin dengan balasan syurga. Mereka berperang di jalan Allah, lalu mereka membunuh atau dibunuh, sebagai janji yang benar bagi Allah (yang termaktub) dalam Taurat, Injil dan Quran. Sesiapa yang setia dengan janjinya dari Allah maka bergembiralah kamu dengan penjualan yang kamu jual itu. Demikian itulah kemenangan yang besar

Selepas menyebut kebaikan secara menyeluruh maka dalam ayat ini Allah menjelaskan kebaikan dalam akhlak atau budi pekerti dan amal kemasyarakatan. Maka Allah mengatakan bahawa sepenting-penting konsep kebaikan itu ialah dengan kesetiaan pada janji dan kesabaran. Kalau tadi merupakan perbuatan baik maka menepati janji ini merupakan sifat yang baik. Walaupun seseorang itu mengerjakan tanggungjawabnya berulang-ulang kali, namun ia tidak menjadi baik kalau dia tidak menjadikan setia dan sabar sebagai akhlaknya.²² Demikian kata Syeikh al-Sayyed Mohammad Rashid Rida. Apabila disebut janji, bukan sahaja bererti kita berjanji dengan sesama manusia semata-mata bahkan termasuk janji kita dengan Allah. Setiap orang yang mengaku beriman dan Islam maka orang itu telah berjanji yang dia tunduk kepada segala titah perintah Allah. Perkara ini terkandung dalam ciri-ciri akidah. Bai'ah (berjanji) itu mengandungi makna ikatan perjanjian jual beli dengan Allah. Iman kepada ciri-ciri aqidah Islam adalah ikatan atau simpulan perjanjian jual beli dengan Allah. Seseorang yang mukmin ialah orang yang telah memetrikan atau menyimpulkan ikatan perjanjian jual beli dengan Allah, untuk menjual harta dan diri kepada Allah yang memang bersedia untuk membeli jualan tersebut.²³

Andainya seseorang itu memungkiri janjinya terhadap Allah ertinya akidahnya terjejas atau cacat, maka imannya juga turut terjejas. Dengan sebab itu, berbalik kita kepada konsep kebaikan yang pertama tadi iaitu iman. Oleh kerana iman merupakan pokok segala amalan, maka orang yang mungkir janji dengan Allah tidak akan mendapat kebaikan baginya, kalau janji dengan Allah sudah tidak ditepati, apakah lagi janji dengan manusia. Dengan sebab itu menepati janji dikatakan sebagai sifat yang penting dalam mencari kebaikan.

Dalam hal ini Syed Qutub menjelaskan bahawa menepati janji adalah di antara perkara amat diambil berat oleh Islam dan memasukkannya sebagai tanda keimanan dan ihsan dalam diri seseorang.²⁴

SABAR KETIKA KESUSAHAN DAN PEPERANGAN

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa sabar adalah satu sifat yang mulia dan terpuji. Lebih dari itu, sabar juga dikatakan sebahagian dari iman. Ini bererti tidak sempurna iman seseorang itu sekiranya dia tidak sabar. Oleh kerana itu sabar merupakan satu kebaikan yang

tidak ternilai harganya.

Dalam kontek ayat ini sabar menghadapi kesusahan hidup dan sabar dalam menghadapi peperangan adalah satu kebaikan yang amat besar pahalanya. Sabar dalam keadaan demikian menunjukkan teguhnya iman seseorang itu. Maka dengan sebab itulah Allah mensifatkan orang-orang yang sabar berada di dalam keadaan yang demikian sebagai orang yang melakukan kebaikan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan maka di akhir ayat 177 surah al-Baqarah ini Allah berfirman:

Mereka itulah orang-orang yang benar dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa

Ini bermaksud orang yang melakukan dengan apa yang tersebut di atas adalah orang yang benar-benar mendapat kebaikan dan benar-benar melakukan kebaikan serta orang yang benar-benar berada di dalam kebaikan. Dengan sebab itu Allah mengatakan mereka itu orang yang benar dan orang yang bertaqwa kepada-Nya. Demikianlah yang terdapat dalam satu ayat terkumpul penjelasan asas akidah, tanggungjawab diri dan harta dan seumpamanya. Semuanya dijadikan dalam bentuk kesepaduan yang tidak mungkin dipisahkan. Intisari himpunan dari semua kebaikan itu dikatakan di bawah satu tajuk al-Birr, atau kebaikan keseluruhannya atau iman itu sendiri. Sebenarnya ia merupakan gambaran tassawwur Islam yang sem-purna, dan dasar-dasar sistem Islam yang saling menyempurna.

NOTA

1. Al-Qur'an, *Surah al-Baqarah*, ayat 177.
2. Abbas al-Jamal, *Āyātu al-Birr Min Āyāti al-Qur'ān al-'Aẓīm*, Qahirah: Matba'ah al-Jannah al-Talif wa al-Tarjamah wan al-Nasyr, 1952M/1371H, hlm. 1.
3. Sa'īd Hawa, *al-Asas fi al-Tafsīr*, jil. 1 (Qahirah: Dar al-Islam tanpa tarikh) hlm. 387.
4. Sa'īd Hawa, *al-Asas fi al-Tafsīr*, hlm. 388.
5. Mohd Rashid Rida, *Tafsīr Al-Manār*, Maktabah al-Qāhirah Lı Şāhibihā Ali Yusuf Sulaiman, Mardān al-Azhar, Miṣr, hlm. 111.
6. Al-Quran, *Surah al-Rā'adu*, ayat 28.
7. Lihat Syed Qutub, *Fi Dzilal al-Qur'an*, cet. 10 (Beirut: Dal al-Shuruq, 1982), hlm. 160.
8. Al-Imam Abi al-Fida' Ismail Ibn Kathir, *Tafsīr Ibn Kathir*, Jil. 1, Dar al-Fikri, 1980, hlm. 209.
9. Al-Quran, *Surah Āli 'Imrān*, ayat 92.
10. Abbas al-Jamal, *Āyatul Birr Min Āyāti al-Qur'ān Al-'Aẓīm*, hlm. 467.
11. Dikutip dari *Tafsīr Ibn Kathir*, hlm. 209.

12. Al-Qur'an, *Surah Al-Taubah*, ayat 60.
13. Al-Quran, *Surah Al Baqarah*, ayat 261.
14. Mohd. Rashid Rida, *Tafsir Al-Manar*, hlm. 117.
15. Mahmud Shaltut, Islam: *'Aqdah wa Shariah*, (Bayrut: Dar: al-Shuruq, 1983), hlm. 78.
16. Al-Quran, *Surah Al-Mā'ārij*, ayat 19-22.
17. Mohd Rashid Rida, *Tafsir Al-Manar*, hlm. 118.
18. Syed Qutub, *Fi Dzilal al-Qur'an*, hlm. 161.
19. Al-Quran, *Surah Al-Mukminun*, ayat 1-4.
20. Sa'id Hawa, *al-Asas fi al-Tafsir*, hlm. 390.
21. Al-Quran, *Surah Al-Taubah*, ayat 111.
22. Muhammad Rashid Rida, *Tafsir Al-Manar*, hlm. 119.
23. Lihat Al-Quran, *Surah al-Taubah*, ayat 11.
24. Syed Qutub, *Fi Dzilal al-Quran*, hlm. 161.

Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan,
Fakulti Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan.